

03/10/1997

Majlis Raja-Raja bincang draf Februari depan

KUALA LUMPUR, Khamis - Draf Enakmen Pentadbiran dan hukum Islam di seluruh negara yang sedang digubal dijangka dapat dibentangkan pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu Februari depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata jika draf itu diterima Majlis Raja-Raja Melayu, ia akan diwartakan di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) sebelum dilaksanakan.

Katanya, penyelarasan itu hanya membabitkan sedikit perubahan dan anggota jawatankuasa terbabit sedang berusaha menyiapkan draf penggubalan itu secepat mungkin.

"Majlis Raja-Raja akan bersidang November ini tetapi saya rasa kita tidak sempat membentangkan draf berkenaan ketika itu. Tetapi, saya jangka ia dapat dibentangkan apabila Majlis Raja-Raja bermesyuarat lagi Februari tahun depan," katanya selepas merasmikan Bengkel Pengurusan dan Pentadbiran Dar Assadah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di sini, hari ini.

Awal Ogos lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu terhadap rancangan kerajaan supaya pelaksanaan undang-undang Islam di negeri-negeri, diseragamkan.

Majlis Raja-Raja Melayu bagaimanapun meminta kerajaan membuat kajian terlebih dahulu sebelum undang-undang Islam diselaraskan.

Kerajaan bersetuju menubuhkan jawatankuasa khas di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi mengkaji secara menyeluruh undang-undang Islam itu sendiri, pelaksanaan dan penguatkuasaannya dengan Sultan Azlan Shah menjadi penasihat undang-undang bagi jawatankuasa berkenaan.

Mengenai pendirian Sultan Kedah yang sebelum ini dilaporkan masih mahu mengkaji perkara itu sebelum memberi persetujuan, Dr Abdul Hamid berkata, perkara itu akan diselesaikan di peringkat Majlis Raja-Raja.

Selain itu, Dr Abdul Hamid berkata, MAIWP bercadang mewujudkan rumah orang-orang tua di Wilayah Persekutuan yang boleh menampung warga tua yang tidak memiliki waris dan memerlukan rawatan yang hanya ditawarkan di hospital di ibu negara.

Katanya, ada golongan orang tua yang terbiar di kampung meskipun ada waris di bandar dan golongan itu yang memerlukan perhatian.

Beliau berkata, golongan seumpama itu tinggal bersendirian dan adakalanya ditanggung oleh jiran tetangga.

"Kita berharap dapat mengumpulkan golongan seperti ini di rumah orang tua. Adakalanya golongan ini masih memerlukan bimbingan agama dan mereka akan dibimbing oleh cerdik pandai agama di rumah berkenaan," katanya.

(END)